1 Apakah tujuan isi rumah membuat pilihan apabila membeli barangan?

A memenuhi kehendak manusia
B meminimumkan kos pengeluaran
C memaksimumkan kepuasan pengguna
D memaksimumkan kebajikan masyarakat

2 Pernyataan manakah yang betul tentang usahawan?

A Menyumbang tenaga dalam proses pengeluaran
B Kreatif dan inovatif dalam pemasaran
C Ganjaran dalam bentuk faedah
D Permintaan terhad

3 Pn Laili membelanjakan RM4 000 untuk membeli sebuah telefon pintar yang baru. Kos lepasnya ialah

A Jumlah yang perlu dibayar untuk telefon pintar
B Masa yang digunakan untuk memilih telefon pintar
C Komputer riba yang boleh dibeli dengan wang perbelanjaan tersebut
D Perbelanjaan elektrik yang perlu ditanggung untuk mengecas telefon pintar tersebut

4 Maklumat yang berikut berkaitan dengan penyelesaian masalah asas ekonomi.

Mengeluarkan barang dengan cara meminimumkan kos pengeluaran.

Apakah masalah tersebut?

A Bagaimana hendak dikeluarkan
B Apa yang hendak dikeluarkan
C Berapa hendak dikeluarkan
D Untuk siapa dikeluarkan

5 Apakah kelebihan kepada firma yang menjalankan urus niaga di negara yang mengamalkan sistem ekonomi pasaran bebas?

A Firma akan berusaha meningkatkan kepuasan yang maksimum dalam pengeluaran
B Agihan pendapatan yang adil menyebabkan firma dapat mengeluarkan barang secara maksimum
C Firma berusaha menggunakan buruh secara optimum bagi mengelakkan pembaziran sumber
D Firma berusaha menghapuskan monopoli semula jadi Kerajaan

6 Jadual 1 menunjukkan hubungan harga barang dengan kuantiti yang diminta

Harga seunit (RM)	Kuantiti barang diminta (unit)
4	35
6	30
8	25
10	20
12	23

Jadual 1

Antara perubahan harga barang berikut, yang manakah menunjukkan pergerakan yang bercanggah dengan hukum permintaan?


A Dari RM 4 ke RM 6
B Dari RM 6 ke RM 8
C Dari RM 8 ke RM 10
D Dari RM 10 ke RM 12

7 Antara yang berikut, yang manakah akan meningkatkan permintaan terhadap Pakej Percutian ke luar negara?

I Kejatuhan pendapatan individu
II Ketibaan musim cuti persekolahan
III Penurunan kadar cukai pendapatan individu
IV Tambang penerbangan di jangka akan menurun pada masa depan

A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

8 Rajah 1 berkaitan dengan keluk penawaran.




Rajah 1

Situasi yang manakah menyebabkan berlaku peralihan titik dari a ke b ?

A Peningkatan bayaran upah pekerja
B Pengurangan cukai import oleh kerajaan
C Jangkaan peningkatan harga pada masa depan
D Pengurangan subsidi oleh kerajaan

9 Rajah 2 di bawah menunjukkan keluk keseimbangan pasaran baju




Rajah 2

Apakah yang akan berlaku dalam pasaran apabila tingkat harga berada pada RM12?

I Harga cenderung menurun
II Keseimbangan pasaran dicapai
III Lebihan permintaan sebanyak 4 unit
IV Lebihan penawaran sebanyak 4 unit

A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

10 Rajah 3 di bawah menunjukkan keluk permintaan untuk barang P.



Rajah 3

Hitungkan pekali keanjalan harga permintaan barang tersebut.

A 0.4
B 1.0
C 1.4
D 3.5

11 Jadual 2 di bawah menunjukkan penawaran barang G oleh Syarikat Hong Hong.

Harga (RM)	Kuantiti yang ditawarkan (unit)
250	400
300	600

Jadual 2

Hitungkan keanjalan harga penawaran bagi barang G apabila harganya naik daripada RM250 kepada RM300.

A 0.2
B 0.5
C 2.5
D 5.0

24 Situasi yang manakah akan berlaku, jika kadar faedah terus diturunkan ketika masalah pengangguran sudah dapat di atasi?

I Pengangguran menjadi sifar
II Peningkatan tingkat harga umum
III Permintaan agregat terus meningkat
IV Penawaran guna tenaga meningkat

A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

25 Mengapakah kerajaan perlu menjaga kestabilan harga dalam pasaran?

A Untuk meningkatkan pendapatan negara
B Untuk menjaga ekonomi negara dalam keadaan stabil
C Menjaga keharmonian antara pengeluar dan pengguna
D Supaya kuasa beli yang berpendapatan rendah meningkat

26 Pernyataan yang manakah menunjukkan ekonomi yang mampan?

A Meningkatkan pendapatan negara
B Mewujudkan perubahan inventori
C Merapatkan jurang pendapatan
D Meningkatkan eksport negara

27 Pernyataan manakah yang menerangkan yang konsep pertumbuhan ekonomi?

A Pertumbuhan ekonomi adalah bersifat kualitatif
B Pertumbuhan ekonomi menunjukkan peningkatan KDNK benar
C Perkembangan ekonomi menunjukkan keluaran negara berkurang
D Kemelesetan ekonomi menunjukkan kadar pertumbuhan yang positif

28 Maklumat di bawah berkaitan dengan sejenis belanjawan negara.

Hasil kerajaan RM40 bilion
Perbelanjaan Kerajaan RM48 bilion

Pernyataan yang manakah yang betul berkaitan dengan belanjawan tersebut.

I mengurangkan pendapatan individu
II menambahkan perbelanjaan kerajaan
III mempercepatkan pertumbuhan ekonomi
IV mengurangkan penggunaan guna tenaga

A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

29 Antara berikut, yang manakah cukai tak langsung?

A Cukai pintu
B Cukai perjudian berlesen
C Cukai pendapatan koperasi
D Cukai keuntungan hartanah

30 Apakah dorongan firma beroperasi di luar negara?

I Harga input pengeluaran yang relatif lebih mahal di luar negara
II Jarak yang lebih jauh akan menurunkan kos pengeluaran
III Firma menikmati perlindungan perdagangan di luar negara
IV Saiz pasaran dalam negara terhad

A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

Bahagian A
[60 markah]
Jawab **semua** soalan

SOALAN 1

a) Gambar 1 menunjukkan faktor pengeluaran yang terlibat dalam aktiviti ekonomi



Gambar 1

Terangkan dua faktor pengeluaran yang terdapat dalam gambar di atas?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

b) Gambar 2 menunjukkan sebuah peta negara-negara ASEAN.



Gambar 2

(i) Nyatakan sistem ekonomi bagi negara X di atas?

.....

[1 markah]

(ii) Jelaskan peranan kerajaan dalam sistem ekonomi tersebut ?

.....

.....

.....

.....

.....


.....

.....

.....

[5 markah]

c) Rajah 1 menunjukkan perubahan keluk penawaran.



Rajah 1

Jelaskan penentu penawaran yang menyebabkan keluk beralih ke kiri?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

d) Jadual 1 berikut menunjukkan permintaan dan penawaran pasaran ayam pada pelbagai tingkat harga.

Harga (RM/kg)	Kuantiti Permintaan (kg)	Kuantiti penawaran (kg)
6	150	50
9	100	100
12	80	150
15	25	200

Jadual 1

(i) Lukis keluk keseimbangan pasaran pada kertas graf.

[4 markah]

(ii) Berdasarkan keluk di 1(d)(i), nyatakan harga dan kuantiti keseimbangan .

.....

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

(ii) Kos Sosial


……..

……..

[2 markah]

SOALAN 3

a) Gambar 5 menunjukkan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan.



Gambar 5

Berdasarkan gambar di atas, jelaskan peranan kerajaan tersebut.

……..

……..

……..

……..

……..

……..

[4 markah]

b) Jelaskan kesan apabila sesebuah negara mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan.

……..

……..

……..

……..

……..

……..

(4 markah)

c)

Malaysia mempunyai beberapa buah firma yang mampu mengeluarkan produk global dan beroperasi di beberapa negara secara serentak

(i) Nyatakan ciri lain sesebuah firma dianggap sebagai syarikat multinasional.

……..

……..

[1 markah]

(ii) Huraikan faktor- faktor yang mendorong sesebuah firma memasuki operasi antarabangsa.

……..

……..

……..

……..

……..

……..

(4 markah)

SKEMA KERTAS 1 EKONOMI PERCUBAAN 2023

No Soalan	Jawapan		No Soalan	Jawapan
1	C		21	B
2	B		22	C
3	C		23	C
4	A		24	B
5	C		25	B
6	D		26	C
7	B		27	B
8	B		28	B
9	D		29	B
10	D		30	C
11	C		31	A
12	C		32	A
13	A		33	A
14	A		34	C
15	D		35	A
16	C		36	C
17	A		37	C
18	A		38	D
19	D		39	D
20	D		40	B

		F3 membantu menyelaraskan perbelanjaan mengikut pendapat H3 individu akan berbelanja ikut pendapatan dan tidak membazir serta boros F4 mengelakkan hutang H4 Individu berbelanja tidak melebihi pendapatan F5 Mengelakkan kenaikan harga barang (inflasi) H5 penyediaan belanjawan peribadi membolehkan individu mengawal perbelanjaan [Mak.6m]	1 1 1 1 1 1
2	(b)(i)	Kos purata (X) X = RM70 Kos Marginal (Y) Y = RM 30 2m	 1 1
2	(b)(ii) (a)	H1 Kos purata menurun H2 Kos marginal menurun H3 Mencapai nilai minimum pada output ketiga [Mak.2m]	1 1 1
2	(b)(ii) (b)	H1 Kos purata mencapai nilai minimum pada output keempat H2 Kemudian kos purata semakin meningkat H3 kos marginal meningkat [Mak.2m]	1 1 1
2	(c)(i)	H1 boleh berehat dan menyimpan tenaga semasa perjalanan H2 kos pengangkutan lebih murah H3 mengelakkan kesesakan lalu lintas H4 menjimatkan masa perjalanan H5 menjimatkan perbelanjaan dengan penggunaan pas tanpa had MY30/MY50/MY100 [Mak.2m]	1 1 1 1 1 1
2	(c)(ii)	H1 pencemaran alam sekitar akibat daripada proses pembinaan landasan H2 pencemaran bunyi daripada rel landasan tren. H3 pencemaran udara ketika projek pembinaan. [Mak.2m]	1 1 1
3	(a)	F 1 Kerajaan sebagai pengeluar H 1 Pengeluar barang awam dan barang sosial dalam ekonomi H 2 Barang awam tidak dikenakan bayaran. H 3 Penawaran barang awam adalah terhad H 4 Contoh : kereta bomba H5 Barang sosial membawa manfaat terbesar kepada semua	1 1 1 1

		masyarakat. H6 Memerlukan perbelanjaan yang besar dan tindakan Kerajaan untuk mengeluarkannya. H7 Contoh : perkhidmatan keselamatan untuk rakyat. F 2 Kerajaan sebagai majikan H 1 Kerajaan merupakan sebagai majikan terpenting H 2 Menawarkan peluang pekerjaan dalam sektor perkhidmatan awam. H 3 Contoh : Anggota Penyelamat Bomba. [Mak. 4m]	1 1 1 1 1
3	(b)	H1 Pertumbuhan ekonomi yang tinggi H2 Mendorong perkembangan dalam aktiviti ekonomi H3 Peningkatan kegiatan ekonomi H4 Penambahan peluang pekerjaan H5 Peningkatan guna tenaga H6 Kadar pengangguran menurun H7 Peningkatan pendapatan negara H8 Peningkatan kuasa beli H9 Permintaan agregat meningkat H10 Peningkatan taraf hidup masyarakat H11 Mengurangkan kadar kemiskinan H12 Meningkatkan kadar tabungan H13 Meningkatkan pelaburan langsung asing H14 Menyediakan kemudahan kesihatan H15 Eksport negara meningkat H16 Kadar kemiskinan dalam negara menurun / imej negara naik H17 pertumbuhan ekonomi yang mampan penting untuk mendapatkan gelaran negara maju [Mak.4m]	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1
3	(c) (i)	H1 Semua cawangan firma dikawal oleh firma induk di negara asal H2 Pemindahan teknologi yang canggih antara cawangan di negara yang berbeza. [1m]	1 1
3	(c)(ii)	F1.Meluaskan pasaran H1 sesebuah firma yang ingin meluaskan pasaran akan memasarkan barang dan perkhidmatan ke luar negara H2 Disebabkan penduduk di negara asal firma, misalnya Malaysia adalah lebih kecil jika berbanding dengan penduduk di seluruh dunia Contoh: Syarikat Proton memasuki pasaran Singapura , Thailand dan sebagainya supaya mendapat keuntungan yang maksimum F 2.Perlindungan perdagangan H 1 Aktiviti eksport barangan ke negara tertentu disekat oleh pelbagai sekatan perdagangan seperti cukai H2 Boleh diatasi dengan membuka operasi pengeluaran di negara berkenaan F3. Kos pengangkutan yang tinggi H1 Jarak yang jauh antara pasaran dengan tapak operasi pengeluaran	1 1 1 1 1 1 1 1 1

Suka sampel ini?

Kertas Trial SPM

Ekonomi (20+ set)

- Kertas trial SPM dari banyak negeri untuk subjek yang dipilih
- Skema jawapan / cadangan jawapan
- Set Penuh: semua 17 subjek dan jadual ulangkaji A+

RM12.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX online banking · download serta-merta